

Walaupun tidak popular, mampu jimat wang negara - PM

Subsidi bersasar selamatkan ekonomi

UTUSAN MALAYSIA 22 APR 2024

imp: 1 & 2

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Langkah berani kerajaan, melaksanakan subsidi bersasar walaupun tidak popular, mampu menyelamatkan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, subsidi bersasar seperti petrol, diesel, tarif elektrik dan air serta kawalan harga barangan keperluan seperti ayam dapat menjimatkan berbilion ringgit setiap tahun.

Katanya, agenda reformasi kerajaan ini perlu memberi manfaat kepada rakyat selain menyelamatkan wang negara.

Menurutnya, langkah dilakukan kerajaan termasuk mengambil keputusan berani memansuhkan subsidi harga ayam yang menampai kenaikan harga ayam setiap tahun.



Konvensyen 25 Tahun Keadilan

PERDANA Menteri merangkap Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim bersalaman dengan ahli-ahli parti ketika hadir pada Konvensyen 25 Tahun Keadilan di Shah Alam, Selangor, semalam.

- UTUSAN/AFIQ RAZALI (Berita di muka 5)

Subsidi bersasar selamatkan ekonomi

Dari muka 1

“Ini yang dikatakan *reform*, saya hendak nasihat yang agak sinis terhadap *reform*, *reform* dalam erti kata apa manfaat bagi golongan miskin, pekerja ladang, nelayan di kampung, pekebun kecil, Melayu, India di ladang, pekerja (swasta), penjawat awam, itu yang mesti disampaikan.

“Ayam, berpuluh tahun sejak saya jadi Menteri Kewangan dahulu, setiap kali perayaan mesti akan naik, mesyuarat tergempar tambah suntikan wang, puluh tahun untuk mengawal harga siling ayam, kerajaan sediakan RM1 bilion setiap tahun.

“Tahun lalu kita ambil keputusan berani, kita hentikan RM1 bilion, kita beritahu kartel ayam buat keuntungan tetapi jangan tekan peniaga. Kemudian harga ayam terkawal,” katanya ketika berucap pada Konvensyen 25 Tahun PKR, semalam.

Malah, jelasnya, kerajaan turut melaksanakan keputusan-keputusan dibuat kerajaan

sebelum ini termasuk penjajaran semula subsidi petrol dan pelbagai manfaat lain yang turut dinikmati golongan kaya serta 3.5 juta penduduk warga asing.

“Politik tidak cerdas bagi subsidi pada orang yang tidak bayar cukai, datang tanpa kebenaran kemudian beri subsidi elektrik, lebih RM4 bilion kita selamatkan.

“Dia hendak marah kita kenapa? Sekarang orang tanya tentang subsidi minyak dan diesel, cara rasional harus kita lakukan sebab minyak yang kita subsidi tiap kali digunakan, itu menguntungkan semua rakyat. Yang paling kaya pun dapat.

“Itu kerja tidak cerdas, 3.5 juta orang asing dapat subsidi. Bila kita naik (jadi kerajaan), kita beri suntikan langsung kepada rakyat. Itu kaedah kita fikir berapa lama, puluh tahun kerajaan setuju tetapi takut untuk melaksanakan. Kerajaan ini berani, kita laksanakan untuk rakyat,” tegasnya.

Dalam pada itu, Anwar turut

menegaskan rakyat tidak perlu terpukau dengan slogan ‘hidup Melayu’ atau ‘kerajaan Islam’.

“Bila kita ambil tindakan terhadap orang yang mahakaya di negara ini, dengan hasil puluhan bilion, mana suara mereka, mana suara pejuang Islam dan Melayu, semuanya kelu mem-bisu takut berdepan dengan orang yang kaya dan rasuah.

“Pengeluaran getah ada yang kata pekebun ramai tidak sokong Pakatan Harapan (PH), saya tidak ambil kira, kita harus bantu mereka. Yang saya tahu naik selepas kita ambil alih kerajaan kepada RM3 seki-logram.

“Maknanya pada 2020 RM2.50 sékarang RM3. Subsidi harga padi, tidak naik berpuluh tahun, tahun 2022 kita naikkan, belum cukup, tetapi bagi orang yang ikuti politik pembangkang, *kenapa tidak naikkan semasa perintah?*

“Kamu kata hidup Melayu, tetapi itu Melayu, yang kamu pertahankan itu Melayu kaya. Kita kena agresif. Lawan tetap lawan,” jelasnya.